



The home of IBD information & support

IBD di Tempat Kerja

Menurut jawapan anda, tempat kerja anda agak mesra IBD

Ini bermakna banyak perkara yang benar-benar baik telah dibuat untuk memudahkan seseorang penghidap IBD, namun beberapa penambahbaikan boleh dilakukan. Baca dan kongsikan PDF tersebut dengan majikan anda supaya beliau boleh mengambil langkah-langkah untuk membantu anda menghadapi IBD dengan lebih baik di tempat kerja.

Majikan yang dihormati, ,

Menggaji seseorang yang menghidap penyakit radang usus (IBD) tidak perlu menakutkan anda. Kebanyakan penghidap IBD menjalani kehidupan yang sangat produktif dan normal.

Namun, penyesuaian tertentu di tempat kerja boleh membantu pekerja anda berasa lebih selesa dan bekerja lebih cekap.

Baru-baru ini, pekerja anda telah melengkapkan alat Perancang Kerja IBD Guts4Life. Alat ini mengambil kira keadaan mereka dan memberi cadangan bagaimana kehidupan pekerjaan boleh disesuaikan untuk manfaat pekerja dan syarikat secara keseluruhannya.

Fakta-Fakta tentang IBD

Apa itu IBD?

IBD ialah satu keadaan kronik (berterusan) yang menjejaskan usus. Penghidap IBD mungkin akan mengalami kemarakan simptom, yang mana keadaan menjadi teruk untuk satu tempoh waktu dan kemudian kesihatan mereka kembali normal. Bagi kebanyakan pesakit – kemarakan simptom lebih pendek daripada tempoh sihat.

Simptom-simptom IBD termasuk:

- Cirit-birit
- Sakit perut
- Darah dalam najis
- Sakit semasa membuang air besar

Sila ambil maklum bahawa IBD tidak berjangkit.

Menggaji penghidap IBD

Bagi kebanyakan penghidap IBD, menguruskan keadaan dengan gaya hidup dan ubat bermakna mereka boleh menjalani kehidupan yang normal dan produktif.

Perubahan yang mudah dan berkesan di tempat kerja boleh membantu pekerja anda menghadapi IBD mereka dengan lebih baik dan bekerja dengan lebih cekap.

Di bawah ialah beberapa cadangan berdasarkan respons pekerja anda dalam alat perancang kerja.

Baca seterusnya di bawah dan bincangkan langkah-langkah seterusnya dengan pekerja anda.

Jenis Pekerjaan

Mengubah jadual kerja boleh membantu: waktu rehat secara tetap, waktu untuk duduk atau mewujudkan kepelbagaian dalam pekerjaan boleh membantu mengurangkan tuntutan fizikal. Jika pekerjaan itu sangat fizikal – mungkin anda perlu pertimbangkan pekerjaan lain.

Waktu Rehat untuk ke Tandas

Pastikan rakan sekerja sedar yang anda perlukan waktu ke tandas yang kerap. Mintalah seorang atau lebih rakan sekerja untuk menggantikan anda pada waktu ini.

Ini membantu anda mendapat sokongan dalam persekitaran kerja anda.

Kesihatan Pekerjaan

Sebelum anda memutuskan tentang bagaimana untuk melaksanakan perubahan di tempat kerja, berbincanglah dengan jabatan Sumber Manusia atau Kesihatan Pekerjaan yang boleh menasihatkan tentang cara terbaik untuk melakukannya.



© 2014 Ferring B.V. FERRING dan Logo FERRING ialah tanda dagang Ferring B.V. Lawati www.ferring.com untuk maklumat lanjut.